

## \*\*\*\*Kahwin Paksa\*\*\*\*

Rencana ini dipetik oleh “Cahaya Timur” dari majalah “*al-Lisān*” berkenaan soal kahwin paksa. Kita percaya isinya akan menjadi penerangan yang baik bagi meruntuhkan fahaman sesat iaitu cinta dahulu kemudian kahwin atau berkahwing dengan .....

tidak payah bernikah seperti anjuran cerita pendek Rūhī Hayāt yang beracun itu.

Barang kali di natara putera-putera dan puteri-puteri yang ada sekarang ini, atau yang lebih dahulu beberapa tahun. Ada yang berasal dari anak ibu bapa yang kahwin paksa yakni kahwin yang si isteri atau si suami tidak memeriksa atau mengetahui sendiri lebih dahulu akan orang yang bakal jadi isteri atau suaminya. Kahwin demikian dinamakan “Kahwin Paksa” oleh putera dan puteri yang bersekolah Barat, dan sebahagian kecil oleh putera dan puteri yang sekolah Islam.

Banyak kita dapati bahawa orang-orang yang terpelajar ini mempunyai ibu bapa yang kahwin secara itu; jodohnya panjang sampai ada yang bercucu cicit, hidupnya rukun, damai dan tidak gaduh, lebih-lebih cemburu mencemburui, atau sama-sama tidak percaya, atau satu sama lain mengintai peluang jahat untuk melakukan satu pengkhiantan yang dikutuk Tuhan.

Penulis sendiri mempunyai ibu bapa yang kahwin secara itu, yakni kahwin yang tidak lebih dahulu cara tahu bakal suami atau isterinya, apa lagi berjalan-jalan dengan bebas ke sana ke mari sebelum kahwin; tetapi hingga sekarang ibu bapa penulis telah berusia tua. Dari semenjak kahwin hingga penulis, keduanya sentiasa orang kemenakan dari kakak, penulis, keduanya sentiasa hidup rukun dan damai, tidak pernah ibu penulis cemburu terhadap suaminya. Begitupun sebaliknya, yang mana hal cemburu dan tidak percaya itu, sangat banyak berlaku pada kebanyakan suami isteri yang kahwin dengan

pemeriksaan sendiri.

Dan lagi penulis ada mempunyai seorang pembeli yang kahwin sama-sama tidak melihat, apa lagi memeriksa lebih dahulu.

Si isteri tidak tahu siapa bakal suaminya dan si suami demikian juga; mengetahui satu dengan lain itu, ialahs etelah diserahkan oleh mertuanya masing-masing, di situlah baharu bertemu muka, yang satu baharu dapat melihat dan mengetahui yang lain, dengan tidak dapat sedikit pun ada perasaan menolak atau tidak setuju.

Akhirnya keduanya berjodoh hingga sekarang hampir 60 tahun, dengan keadaan damai dan tenteram, tidak ada sifat-sifat yang mencurigai pada hati keduanya.

Selain dari itu banyak pula orang lain yang penulis dapati dengan mata kepala sendiri beresnya hidup bersuami isteri dari perkahwinan yang tidak terpaksa

lebih dahulu itu, kahwin yang dicop orang sekarang “kahwin paksa” mereka kahwin dengan mencari jodoh itu hanya menyerahkan kepada pemeriksa kaum keluarga terutama kepada ibu bapa, kerana mereka berkewajipan masakan ibu bapa yang terkenal kasihan dan cinta kepada anaknya akan memberikannya jodoh dengan orang yang tiada benar dan tiada baik, juga mereka percaya bahawa ibu bapa atau keluarga itu lebih mengetahui daripadanya tentang jodoh yang patut dan setara baginya, kerana mereka mencari jodoh itu, dengan neraca pengalaman dan kejadian, bukan dengan perasaan dan kesukaan hati semata-mata.

Ini satu contoh “kahwin paksa” itu, ada juga baiknya kalau dibanding dengan celaknya.

Dalam pada itu, saya tiada anak negeri adanya beberapa ibu bapa yang mata wang, yang menjodohkan anaknya dengan orang yang tiada setara dan sebaya, seperti gadis yang baharu berumur 14 atau 15 tahun dikahwikannya dengan lelaki yang sudah tua bangsa yang umurnya hampir 70 tahun dan hampir tiada berjaya apa-apa lagi, ada kalanya si tua itu orang hartawan, dan ada kalanya juga kerana orang bangsawan atau hanya kerana bangsa. Sudah tentu sahaja gadis tadi gelisah kerana ia berhadapan dengan seorang suami lebih tua daripadanya.

Kejadian seperti ini berlaku sedikit kalau dibanding dengan jodoh yang setara dan sebaya menurut pilihan ibu bapa atau keluarga. Yang sedikit terjadinya ini sudah tentu tiada boleh dijadikan ukuran. Kalau hendak juga dijadikan ukuran, maka kahwin yang boleh pegang-pegang tangan lebih dahulu sebelum kahwin pun, lebih banyak didapati kerosakkan dari keselamatannya.

Saya bukan sekali dua kali, tetapi banyak kali mendapati, bahawa suami isteri yang sebelum kahwinnya keadaannya sudah lebih dari suami isteri, maka setelah kahwinnya jadi lebih daripada seorang musuh dengan lawannya itu terkadang ada juga mempunyai belas kasihannya, adakalanya dimengapakaannya kesalahan lawannya, tetapi suami isteri itu tiada. Si suami hilang kepercayannya kepada isterinya, dan si isteri pun demikian malah kasih dan cinta telah hilang sama sekali, kerana sebelum kahwin telah ditumpahkan habis-habis sehingga tidak ada sisanya lagi.

Ada lagi yang penulis dapati, gadis dan pemuda yang belum lagi kahwin sudah bercerai dengan perceraian yang lebih celaka dari talak tiga. Yang tersebut itu menunjukkan, bahawa kahwin menurut pilihan sendiri pun ada juga kecewanya; kerana kebanyakannya mencari jodoh itu diukur menurut rasa cinta yang sering menjerumuskan

pemuda dan gadis ke jurang kecelakaan.

Saya pun mengakui adanya suami isteri yang kahwin dengan jalan memilih sendiri itu hidup damai sampai berpuluh tahun atau hingga mati.

Kerana kedua-dua cara-cara itu ada buruk dan ada pula baiknya, maka kita harus pandai memilih dan menimbang, manakah di antara dua itu yang lebih banyak manfaat daripada mudaratnya. Pemeriksaan itu mesti diselidiki menurut kejadian dan pengalaman, bukan menurut kepuasan hati dan rasa cinta.

Zaman sekarang ini boleh dikatakan zaman bebas, kebebasan itu hampir-hampir meliputi batas, dan di satu tempat memang sudah meliputi batas dari biasa. menjaga ini sudah tentu tidak mudah, lebih-lebih kalau hendak diberhentikan. Kerana itu semua hendak kita periksa dari jurusan agama, bagaimana kewajipan seorang wali terhadap anak gadisnya atau jandanya atau anak-anak perempuan yang di bawah kekuasaannya dan bagaimana pula hak si gadis, janda atau perempuan itu yang diberikan oleh Islam setelah itu, baharulah kita mencari jalan dan cara yang lebih selamat.

Kahwin paksa dengan erti bahawa seorang gadis mahu atau tidak dengan seorang lelaki akan dipaksa oleh wali; perbuatan begini dilarang keras oleh Islam. Sebaliknya, gadis dan pemuda yang sebelum kahwin telah berkawal bebas, berpegang-pegang tangan, berkhawat berdua-dua di tempat yang sunyi yang tiada muhrimnya, juga perbuatan yang dikutuk oleh Allah.

Jadi kedua-dua laku itu tiada dibenarkan oleh Islam dan tiada orang-orang Islam melakukannya.

Kalau kedua cara itu tiada dibenarkan oleh Islam, bagaimanakah peraturan Islam dalam soal kahwin itu?

Islam satu agama yang tidak ada lain agama dapat melebihi, salah menyamai pun tidak. Tentang baik dan rapinya mengatur dan memberikan hak-hak kepada lelaki dan perempuan,

terutama dalam hal kahwin atau perkahwinan.

Kerana soal kahwin ini sering kali dibicarakan dalam kitab-kitab, majalah-majalah, dan dalam suratkhbar kita. Maka di sini saya ringkaskan sahaja segala yang bertali dengan hak wali dan gadis atau janda dalam perkara kahwin.

Wali diberikan hak oleh Islam untuk mengahwinkan anak-anak gadisnya atau janda-janda atau anak gadis yang ada di bawah kekuasaannya, sedang pihak perempuan, Islam berikan pula hak untuk menerima orang lelaki yang disukai dan diberikan hak untuk menolak lelaki yang tiada disukai. Jadi dalam urusan kahwin kedua-dua belah pihak sama-sama mempunyai hak, tetapi sudah tentu hak si wali itu bergantung kepada kemahuan dan kerelaan si perempuan yang hendak dikahwinkannya. Kalau sekiranya perempuan tadi menolak, maka jatuhlah hak dan kekuasaan si wali bagi mengahwinkannya, tiada berhak ia memaksa walau dengan jalan bagaimana pun tetapi sungguhpun begitu, si wali perlu juga mencari ikhtiar buat melorongan terjadinya perkahwinan antara anak-anak perempuannya dengan lelaki yang sudah terang lelaki tadi berkelakuan jahat, penipu, pengganas dan tiada beragama.

-----

Sabda Nabi:

Perhatikanlah orang yang lebih bawah (kehidupannya) daripada kamu, dan janganlah perhatikan orang yang di atas kamu, kerana yang demikian itu lebih layak supaya kamu tidak hinakan nikmat Allah kepada kamu”.

-maksud hadis riwayat al-Hākīm

\*\*\*

“Sesungguhnya Allah meninggikan dengan Quran dan beberapa kaum, dan merendahkan dengannya beberapa kaum yang lain pula”.

-maksud hadis riwayat Muslim.

---

Ubat Jenis Baharu dan Gamnjil

Berbeza dari ubat yang lain-lain dan tidak merbahaya.

- 1) Ubat Telinga (EARO)  
3/50 pos bersih  
Baik penyakit baru atau lama, nanah cepat berhenti.
- 2) Ubat batuk teruk (COUGO)  
\$ 3/50 pos bersih  
Khas kepada batuk-batuk lama dan sangat mujarab.
- 3) Ubat Buasir (PILGO)  
6/50 pos bersih. Dalam 24 jam mulai sembuh, beransur kecut dan ajaib lengsung.  
Perempuan hamil pun boleh memakannya.
- 4) Ubat Gila Babi  
6/50 pos bersih.  
Sekarang ada ubatnya. Penyakit tak balik lagi.  
Juga ubat ini menerangkan otak.
- 5) Ubat Penjarang  
Untuk pakai di luar bagi setahun-4/(b) untuk dimakan tak hamil lagi, sebetul sahaja, badan diberi sihat-17/ pos bersih.
- 6) Ubat Penerang mata  
7/50 pos bersih.  
Ganjil dari lain-lain tonik. Lekas menerangkan mata dan otak. Selalu pelupa dan pitam, cepat baiknya.
- 7) Ada banyak lagi Ubat Jenis Baharu  
Dari England  
Untuk:-lelah, restung, tipuk, darah tinggi, badan sembab-sembab, leher benguk, angin pasang-pasang, dan lain-lain lagi.  
Orang-orang yang putus harap dari ubat-ubat yang lain silalah beritahu dengan terang bersama 10 sen setem. Pesanlah dari:

Mohd. Amir bin H. M. Khatib,

(as Representative of), Woh Kee mEdical Hall,

124, Ipoh Road, Kuala Lumpur.